

**PANDUAN MEMPERTIMBANGKAN KELAYAKAN CALON-CALON UNTUK
PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN
NEGERI SABAH**

1. PENDAHULUAN

1.1. Pencalonan adalah bagi Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan berikut:-

1.1.1. Ahli Setia Darjah Kinabalu (A.S.D.K)

1.1.2. Ahli Darjah Kinabalu (A.D.K)

1.1.3. Bintang Setia Kinabalu (B.S.K)

1.1.4. Bintang Kinabalu (B.K)

1.1.5. Pingat Perkhidmatan Terpuji (P.P.T)

2. ASAS-ASAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN

Setiap pencalonan hendaklah dibuat berdasarkan atau mengambil kira kedudukan (termasuk jawatan), umur, jasa, khidmat masyarakat dan sumbangan kepada negeri serta negara.

Sekiranya calon pernah menerima anugerah, pencalonan seterusnya hanya boleh dibuat selepas lima (5) tahun daripada pengurniaan sebelumnya.

Seseorang calon yang dicadangkan untuk sesuatu Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang bersih dan tiada kes tatatertib.

Asas-asas pencalonan seseorang untuk menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan adalah seperti berikut:-

2.1. Ahli Setia Darjah Kinabalu (A.S.D.K)

2.1.1. Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan ini dikurniakan kepada mereka yang tinggi taraf kedudukan dan telah memberikan jasa cemerlang kepada negeri Sabah dan negara;

2.1.2. Bagi pegawai kerajaan, Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan ini adalah sesuai bagi mereka di dalam Gred N48 dan ke atas. Tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya 20 tahun; dan

2.1.3. Berumur 40 tahun ke atas.

2.2. Ahli Darjah Kinabalu (A.D.K)

2.2.1 Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan ini dikurniakan kepada mereka yang telah berjasa tinggi kepada negeri Sabah dan negara dalam apa juga lapangan;

2.2.2 Bagi pegawai kerajaan, Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan adalah sesuai bagi mereka di dalam Gred N41 dan ke atas. Tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya 20 tahun; dan

2.2.3. Berumur 40 tahun ke atas.

2.3. Bintang Setia Kinabalu (B.S.K)

2.3.1. Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan ini dikurniakan kepada mereka yang telah memberi jasa-jasa bakti di dalam hal-hal seperti berikut:-

- i. Telah menunjukkan jasa kejayaan yang lebih daripada kejayaan biasa;
- ii. Telah memberi perkhidmatan yang tinggi mutunya;
- iii. Telah menjalankan tugas-tugas bahaya dan sukar dengan cemerlang sekali; dan
- iv. Telah menjalankan tugas-tugas berlebihan daripada tugas-tugasnya.

2.3.2. Bagi pegawai kerajaan, Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan ini adalah sesuai bagi golongan berikut:-

- i. Pegawai dalam Gred 32 dan 27. Tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya 20 tahun; dan
- ii. Di dalam keadaan yang istimewa dan luar biasa, pegawai di dalam Gred 22 dan 17 boleh juga dikurniakan.

2.3.3. Berumur 40 tahun ke atas.

2.4. Bintang Kinabalu (B.K)

2.4.1. Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan ini dikurniakan kepada mereka yang telah menunjukkan perkhidmatan taat setia dan berbakti kepada negara dalam apa juga lapangan;

2.4.2. Kurniaan ini sesuai bagi pegawai kerajaan dalam Gred 22 dan 17. Tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya 20 tahun; dan

2.4.3. Berumur 40 tahun ke atas.

2.5. Pingat Perkhidmatan Terpuji (P.P.T)

2.5.1. Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan ini dikurniakan kepada mereka yang telah menunjukkan perkhidmatan taat setia dan berbakti kepada negeri Sabah dan negara dalam apa juga lapangan;

2.5.2. Kurniaan ini sesuai bagi pegawai kerajaan dalam Gred 14 dan 11. Tempoh Perkhidmatan sekurang-kurangnya 25 tahun; dan

2.5.3. Berumur 45 tahun ke atas.

Disediakan oleh : **Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan,
Jabatan Ketua Menteri**